

aab

Mahathir-Clinton'

MAHATHIR TUNGGU SEBELUM KOMEN KEMENANGAN CLINTON

I

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan tahniah kepada Bill Clinton atas kemenangannya tetapi berkata beliau ingin menunggu untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bakal Presiden Amerika Syarikat itu sebelum membuat komen.

Perdana Menteri berkata Malaysia berminat mengetahui lebih lanjut mengenai dasar luar Clinton kerana buat masaini tidak banyak diketahui mengenainya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas melancarkan buku 'Memoir Seorang Pejuang' oleh Tan Sri Aishah Ghani di Dewan Bahasa dan Pustaka, beliau berharap pentadbiran baru Amerika itu tidak akan merasa begitu takut terhadap Perundingan Ekonomi, Asia Timur (EAEC), satu forum perundingan merangkumi negara-negara Asia Timur yang dicadangkan oleh Malaysia.

'Kita harap mereka tidak akan begitu takut dengan satu forum yang mudah ini... kita bukannya blok perdagangan,' kata Dr Mahathir sambil berharap pentadbiran baru Amerika tidak terlalu emosi dalam melihat EAEC. -- Lagi

▼04/11/19-37MST

CNS8912

R GB 04-11 00163 BH351

bah

Mahathir - Clinton 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata kemenangan Clinton memang jelas dan debat pra-pengundian yang menumpukan lebih kepada perkara-perkara dalam negeri memainkan peranan menentukan keputusan.

Kekalahan Bush dalam pemilihan itu ialah kerana 'peranan penting' yang dimainkan oleh bekas Setiausaha Negara James Baker. Baker dilantik Ketua Setaf Rumah Putih sebelum pemilihan itu, tambahnya.

Dr Mahathir berkata Bush tidak memberitumpuan yang cukup kepada hal ehwal dalam negeri, termasuk ekonomi.

'Saya boleh kata antara alasan utama (kekalahan Bush) ialah beliau mempunyai Baker bersamanya dan memang baik Baker kini sudah terkeluar,' tambahnya.

Walaupun Clinton menggunakan hak asasi manusia dan alam sekitar sebagai platformnya, Dr Mahathir berkata mereka perlu mengatasi masalah hak asasi manusia mereka terlebih dahulu sebelum membawanya ke negara lain.

'Kita tidak boleh mengajarkan sesuatu yang kita tidak amalkan. Kita juga berharap tidak ada percubaan dibuat untuk mengeksport ide dan piawaiannya mereka itu kepada orang lain,' tambahnya. -- Lagi

▼04/11/20-15MST

CNS8932

R GB 04-11 00156 BH352

bah

Mahathir - Clinton 3 Kuala Lumpur

Mengulas penahanan 24 orang pelancong Malaysia setiba mereka di Boston pada 21 Okt, Dr Mahathir berkata beliau berasa perkara itu telah memberi kesan kepada imej baik Amerika Syarikat di luar negeri.

Walaupun mereka mungkin telah melakukan kesalahan, cara mereka dilayan oleh pihak berkuasa negara itu tidak dapat diterima di Malaysia, tambahnya;

+Kita tidak melayan orang asing seperti itu, terutama para pelancong ke negara ini, walaupun mereka bersalah. Negara ini mempunyai kira-kira satu juta pendatang asing tetapi kita tidak melayan mereka begitu, katanya.

+Memoir Seorang Pejuang+ ialah memoir yang dikumpul oleh Aishah, bekas Menteri Kebajikan Am dan wanita kedua dilantik menganggotai Kabinet selepas Merdeka. Buku itu diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Speaker Dewan Rakyat dan Sri Mohamad Zahir Ismail ialah antara mereka yang menghadiri pelancaran itu. -- Lagi

▼04/11/20-38MST

CNS8933

R GB 04-11 00165 BH353

b a h

Mahathir - Clinton 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Ghafar Baba berkata Malaysia sedia menerima sesiapa sahaja menjadi Presiden Amerika Syarikat (AS) asalkan dasar pentadbiran mereka menguntungkan dunia.

+Malaysia tak campur politik orang lain.. siapa menang, siapa kalah, itu soalnya,+ katanya ketika diminta mengulas kemenangan Bill Clinton.

Ghafar bagaimanapun berharap kenyataan kononnya Clinton tidak \*pro-Arab+ adalah tidak benar.

+Orang Palestin sudah lama menderita...mereka berharap negara-negara besar seperti Amerika menolong menyelesaikan masalah mereka,+ katanya kepada pemberita, selepas merasmikan Pameran +AgriTech 92+ di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berharap presiden baru AS itu akan membantu menyelesaikan masalah Palestin.

Ghafar juga berharap orde baru dunia pentadbiran Clinton nanti akan memberikan faedah kepada dunia dan tidak bagi kepentingan sesuatu negara seperti AS sendiri yang berusaha membaiki ekonominya. -- Bernama  
ITEM STORED AS: BH352 BSH 00156 GB 04-11 2037 Mahathir Clinton 3 Kuala Lumpur  
ITEM NOT STORED - BAD HEADER

▼04/11/20-39MST